

16 JUN 1998

TIMBALAN PM NEW ZEALAND KUNJUNGI DR MAHATHIR DAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri New Zealand Winston Peters mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Peters yang tiba di sini malam tadi untuk lawatan selama empat hari mengadakan perbincangan selama sejam dengan Dr Mahathir.

Sebelumnya, beliau yang juga Bendahari negaranya, mengunjungi Anwar yang diikuti dengan satu mesyuarat antara Anwar dengan delegasi swasta New Zealand yang mengiringi Peters.

Malaysia ialah pasaran eksport ke-10 terbesar New Zealand.

-- BERNAMA

MAM WAT